

## **MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN INSTUN MEI 2022 DAN SAMBUTAN HARI RAYA PERINGKAT INSTUN TAHUN 2022**

Pada 23 Mei 2022, Majlis Perhimpunan Bulanan INSTUN telah diadakan bersekali dengan Jamuan Raya Peringkat INSTUN. Majlis Perhimpunan Bulanan Mei 2022 ini telah dihoskan oleh Bahagian Teknologi Maklumat INSTUN manakala Jamuan Hari Raya INSTUN Tahun 2022 telah diurusetiaikan oleh Pegawai Perhubungan Awam (PRO) dengan kerjasama semua bahagian INSTUN.

Majlis telah diadakan di Dewan Kuliah Utama mulai jam 9.00 pagi hingga 2.00 petang. Antara slot-slot menarik bagi kedua-dua majlis adalah penyampaian Watak Pantauliah AJK AKRAB, penyampaian hadiah Pertandingan Jom Kurus 2022 (anjuran Kelab INSTUN) dan pertandingan persembahan Hari Raya oleh semua bahagian di INSTUN. Pertandingan Persembahan Hari Raya telah dimenangi mengikut turutan berikut :

Johan – Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah (BPPT)

Naib Johan – Bahagian Teknologi Maklumat (BTM)

Ketiga – Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan (BPP)

Keempat – Bahagian Ukur dan pemetaan (BUP)

Kelima - Bahagian Pentadbiran dan Kewangan (BPnK)

Kedua-dua majlis ini disambut secara sederhana tetapi meriah oleh semua warga INSTUN.











